

**STRATEGI PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT  
PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT : DRAMATIC PLAY**  
**PUSAT/ FUNGSI : MAIN PERANAN/DRAMA**  
**TAJUK/ TEMA : 'CITA-CITAKU IMPIANKU'**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	KE 2.1	Melakonkan pelbagai watak
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	KE 2.1.1	Melakonkan watak menggunakan imaginasi
		KD 2.3.5	Menunjukkan kebolehan sendiri melalui pelbagai kaedah komunikasi.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Melakonkan watak secara sistematik
		<b>T</b>	Menggunakan alat multimedia dan video untuk menunjukkan suasana pelabuhan.
		<b>R</b>	Memupuk sikap toleransi, tanggungjawab dikalangan kanak-kanak dan berani mencuba sesuatu perkara baru dan mengambil giliran.
		<b>E</b>	Memberi lakaran reka bentuk ciptaan sendiri seperti menghasilkan reka bentuk kaunter dan baju jenis pekerjaan.
		<b>A</b>	Melakonkan watak jenis pekerjaan mengikut imaginasi dengan tugas-tugas tertentu.
		<b>M</b>	Menghubungkan waktu dengan peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan dilakukan sebelum dan semasa menjalankan tugas mengikut pekerjaan.
4	<b>OBJEKTIF</b>	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat menzahirkan imaginasi melalui watak yang dilakukan.	
5	<b>ABM</b>	Baju unifom, topi, kasut bertutup, tagging, tiket, mikrofon, pen, kotak, gam, gunting dan mounting board.	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Toleransi, berani, yakin, keterlibatan, sabar dan menghormati.	

BIL	PERKARA	CATATAN
7	<p><b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak berkumpul di pusat pembelajaran dramatic play</li> <li>2. Kanak-kanak menonton video tentang suasana di pelabuhan. <a href="https://youtu.be/UJt8GhiXtW0-">https://youtu.be/UJt8GhiXtW0-</a>( suasana di pelabuhan)</li> <li>3. Guru meminta kanak-kanak berbaris untuk memulakan simulasi mengikut watak dan kanak-kanak akan di bahagikan mengikut beberapa kumpulan.</li> <li>4. Kanak-kanak akan di berikan watak pekerjaan dan kemudian akan memakai pakaian yang berkaitan dengan pekerjaan masing-masing. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai Jabatan Laut</li> <li>• Pengangkut barang</li> <li>• Pemandu Kontainer</li> <li>• Pegawai Lembaga Pelabuhan</li> </ul> </li> <li>5. Kanak-kanak sendiri akan memulakan lakonan mengikut watak.</li> <li>6. Watak pertama sebagai pegawai jabatan laut untuk membuat pemeriksaan tiket di kaunter samada yang baru berlabuh atau pun yang baru berlepas di perairan secara tidak langsung kanak-kanak akan mengetahui tugas sebenar pegawai jabatan laut.</li> <li>7. Seterusnya watak pegawai lembaga pelabuhan yang bertugas mengawal keadaan lalu lintas di laut dan perlu mengawal cara kanak-kanak masuk ke dalam kelas dengan mengikut barisan.</li> <li>8. Kanak-kanak yang lain juga akan melakonkan watak memunggah barang ke trak mengikut tatacara yang betul.</li> <li>9. Setiap kanak-kanak perlu tahu tugas atau fungsi setiap pekerjaan yang ada di pelabuhan tersebut.</li> <li>10. Kanak-kanak dipastikan perlu terlibat dalam lakonan ini</li> <li>11. Akhir sekali kanak-kanak meluahkan perasaan pengalaman.</li> </ol> <p><b><u>Nota:</u></b> * guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian</p>	